

28 DEC 1998
SOROTAN AKHIR TAHUN-ASEAN/I
ASEAN SEDIA MENGATASI KRISIS

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Anggota-anggota Asean, sekumpulan sembilan ekonomi Asia Timur, mungkin menerima pakai pendekatan berbeza dalam menangani pelbagai masalah yang telah mencengkam rantau ini akibat kegawatan ekonomi, tetapi mereka tidak lemah semangat dalam semangat dan perjuangan mereka.

Golongan yang sangsi mungkin berkata bahawa setakat ini mungkin Asean berhak dipuji kerana usaha-usaha bersatunya dalam cuba mengatasi krisis kewangan dan ekonomi yang ditimpakan ke atas mereka oleh spekulator-spekulator matawang penyangak.

Dengan menjelangnya tahun baru, mereka telah bersetuju untuk menerima pakai beberapa cadangan bertujuan memulihkan daya saing rantau ini sebagai destinasi pelaburan dan dalam proses itu merangsang aktiviti ekonomi.

Langkah agresif yang diambil itu adalah satu siri "Langkah-langkah Berani" yang para pemimpin Asean pada Sidang Kemuncak Asean Keenam di Hanoi baru-baru ini telah bersetuju dan percaya akan mempercepatkan pemulihan ekonomi.

"Langkah-langkah berani" itu antara lain termasuk pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) yang lebih awal setahun kepada 2002 dari 2003.

Persetujuan itu diguna pakai kepada enam penanda tangan asal -- Brunei, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Indonesia -- yang bersetuju untuk mencapai minimum 90 peratus daripada jumlah kemudahan tarif mereka dengan tarif 0-5 peratus menjelang tahun 2000. Ini akan merupakan 90 peratus daripada perdagangan dalaman Asean.

Vietnam, Laos and Myanmar -- anggota-anggota baru Asean -- telah bersetuju untuk mempercepatkan pelaksanaan Afta tetapi pada kadar kecepatan sederhana.

Anggota-anggota Asean juga bersetuju mempercepatkan pemindahan lebih banyak produk ke dalam senarai kemasukan kemudahan tarif tertakluk kepada layanan AFTA.

"Langkah-langkah berani" itu juga menggariskan langkah jangka pendek bagi mempertingkatkan iklim pelaburan Asean, yang, setiap negara Asean juga telah bersetuju memberikan insentif pelaburan istimewa ke atas permohonan untuk melabur di sektor pembuatan Asean yang diterima di antara 1 Jan 1999 dan 31 Dis, 2000.

Insentif-insentif itu termasuk sekurang-kurangnya pengecualian cukai korporat selama tiga tahun atau minimum 30 peratus elaun cukai pelaburan korporat, membolehkan pemilikan asing 100 peratus, import barangan modal bebas cukai, kemudahan memasuki pasaran domestik dan pegangan pajakan perindustrian minimum 30 tahun.

Malaysia sendiri, membenarkan pemilikan ekuiti asing 100 peratus di sektor pembuatan kecuali tujuh aktiviti/produk khusus. Ia tidak mengenakan syarat-syarat import bagi semua pelaburan, pembesaran dan pelbagaian aktiviti.

Layanan negara akan diperolehi sepenuhnya dalam masa enam bulan selepas menanda tangani perjanjian bagi pelabur-pelabur Asean di sektor pembuatan, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Negara-negara anggota Asean bersetuju mengecualikan syarat ekuiti negara 30 peratus di bawah skim Kerjasama Perindustrian Asean (AICO) dalam tempoh 1999-2000, dalam usaha mengadakan skop kerjasama perindustrian lebih besar di rantau ini.

Apabila ditanya sama ada langkah-langkah yang diterima pakai pada sidang kemuncak keenama Asean itu memadai untuk mengeluarkan Asean daripada masalah ekonominya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak tahu sama ada ia adalah mencukupi atau tidak tetapi setakat ini banyak kemajuan telah dicapai.

"Pastinya terdapat ide-ide baru yang telah dicadangkan dan kami fikir bahawa dari sekarang dan seterusnya ia adalah masa yang amat sibuk bagi Asean," tambah beliau.

Bagi Perdana Menteri Phan Van Khai dari Vietnam yang dipetik sebagai berkata pada penutup sidang kemuncak keenam Asean itu: "kita telah menunjukkan keazaman untuk memperkukuhkan perpaduan pada asas tradisional "Perpaduan dalam kepelbagaian" dan menukarnya menjadi kuasa pendorong bagi meningkatkan Asean ke tahap lebih tinggi."

"Dengan keazaman ini.... kita akan membina di atas semangat masyarakat kita identiti dan nilai sedia ada setiap anggota dan seluruh rantau ini dan juga prinsip-prinsip dan cara-cara yang telah membantu membangunkan Asean sejak bertahun-tahun ini," kata Khai.

Dalam perkembangan lain, para pemimpin Asean telah juga bersetuju untuk menggalakkan penggunaan lebih luas matawang Asean bagi penjelasan perdagangan di kalangan Asean dalam usaha mengatasi krisis kewangan serantau dan mempercepatkan pemulihan ekonomi seperti dicadangkan oleh Malaysia.

Langkah itu juga adalah untuk mengurangkan pergantungan ke atas dolar AS memandangkan kebanyakan matawang Asean telah susut nilai berbanding dolar.

Presiden Persatuan Pelabur-pelabur Malaysia Dr PHS Lim berkata cadangan matawang bersama Asean itu adalah "idealistik" dan pendapat bahawa ide itu patut dipertimbangkan kerana ia boleh mengadakan kekuatan kewangan lebih baik terhadap manipulator.

"Tetapi banyak perlua dilakukan sebelum pelaksanaannya," katanya, sambil menambah bahawa ia mungkin mengambil masa yang lama untuk menjadi kenyataan.

Beliau juga merujuk matawang bersama Asean sebagai langkah pertama dalam arah yang betul seperti Euro Kesatuan Eropah (EU).

Asean, yang dilanda krisis kewangan Asia, terus bimbang terhadap pelaburan langsung asing yang menurun, yang dipercayainya memerlukan tindakan segera.

FDI dikatakan telah jatuh kira-kira 30 peratus sejak krisis kewangan Asia meletus pada Julai 1997. Berikutan kejatuhan dalam aliran pelaburan ke Asean, menteri-menteri ekonomi Asean bersetuju pada mesyuarat itu di Manila untuk mempercepatkan pelan bagi menghapuskan halangan-halangan kepada perdagangan.

Mereka telah menetapkan matlamat menghapuskan tarif sama sekali bagi banyak produk yang diperdagangkan di Asean menjelang tahun 2003 tidak sebaliknya sasaran sebelumnya hanya menurunkan tarif ke bawah lima peratus menjelang tahun itu.

Berikutan langkah itu, purata tarif akan jatuh dari 5.37 peratus pada 1998 kepada 2.68 peratus pada 2003.

Menteri-menteri ekonomi Asean juga meluluskan perjanjian rangka kerja mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan menubuhkan majlis Kawasan Pelaburan Asean (AIA) peringkat menteri untuk mempermudah pelaburan dan menggalakkan daya tarikan Asean sebagai sebuah pusat pelaburan.

Majlis itu akan memantau pelaksanaan AIA, yang secara bersama memberikan Asean dan negara-negara anggota individu Asean faedah-faedah lebih besar dan sinergi dalam menarik pelaburan.

AIA akan menghapuskan halangan kepada pelaburan daripada negara-negara Asean menjelang tahun 2010 dan menjelang 2020 bagi pelaburan dari

ekonomi-ekonomi bukan Asean. Ini akan mengembalikan Asean ke atas landasan dalam mencapai pertumbuhan ekonomi yang cergas dan kestabilan.

Asean, menurut Dr Lim, telah banyak membuat kemajuan daripada segi dasar-dasar dan ide-ide ekonomi, bagaimanapun, ia masih kekurangan dalam pelaksanaannya.

"Saya fikir Asean telah berjaya daripada segi ide-ide ekonomi," katanya.

Sebab-sebab pelaksanaan yang perlahan itu mungkin dikaitkan dengan kerenah birokrasi, kata Dr Lim.

Asean mengandungi Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Brunei, Laos, Myanmar dan Vietnam. -- BERNAMA

LES KTC OS